

BN Terus Amalkan Konsep Permuafakatan Dan Bekerja Kuat - Tun Abdullah Bernama
19 Oktober , 2011

PUTRAJAYA, 19 Okt (Bernama) -- Umno dan parti komponen lain dalam Barisan Nasional (BN) akan terus mengamalkan konsep permuafakatan serta bekerja kuat agar mendapat keyakinan rakyat untuk terus memerintah negara ini, kata bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata BN kini bekerja lebih bersungguh-sungguh dan telah membuktikan kepada rakyat bahawa hanya gagasan itu sahaja yang mampu membawa pembaharuan serta perubahan kepada rakyat dan negara ini.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Ketua Umum Majelis Permesyuaratan Rakyat (MPR) Republik Indonesia Mohamad Taufiq Kiemas di pejabatnya di sini Rabu.

Meskipun tidak memperoleh majoriti dua pertiga kerusi Parlimen pada pilihan raya umum ke-12, namun ia bukan penghalang kepada kerajaan BN untuk melaksanakan perubahan dan pembaharuan di negara ini, katanya.

Katanya pembaharuan dan transformasi yang sedang dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang merangkumi ekonomi, sosial dan perundangan kini diterima rakyat.

Bekas Pengerusi BN juga berkata BN sentiasa menampilkan pemimpin muda yang berwibawa dan berkarisma bersama barisan pemimpin berpengalaman pada pilihan raya umum sebelum ini, dan akan meneruskan tradisi kepemimpinan tersebut pada pilihan raya umum ke-13 kelak.

"Dalam Umno dan BN tiap-tiap kali ada pilihan raya, akan ada muka-muka muda. Tidak ada selama-lamanya orang yang lama. Begitu juga tak pernah semuanya yang menjadi muda. Kita ada percampuran orang lama yang berpengalaman dan pemimpin muda sejak dulu sampai sekarang," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620951>